

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 19, 2017 4:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Lipatganda Usaha Untuk Terus Lonjak UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 MAC 2017 / 20 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

LIPATGANDA USAHA UNTUK TERUS LONJAK UUM



UUM ONLINE: Usaha melonjakkan pencapaian Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu diteruskan dan dilipatgandakan bagi memastikan hasrat UUM menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka hingga ke persada dunia seperti mana matlamat penubuhannya dapat direalisasikan.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir berkata UUM sudah merentas tanggungjawab di alam pengajian tinggi sejak lebih daripada tiga abad penubuhannya dengan mencapai banyak kejayaan dan usaha perlu diteruskan kerana pencapaian dalam dunia pengajian tinggi bersifat dinamik dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran.

"Pada tahun 2016 sahaja, UUM telah menunjukkan lonjakan yang membanggakan dari segi ranking, akreditasi, anugerah dan juga pensijilan.

"Sebenarnya, untuk UUM bersaing di peringkat global, usaha-usaha yang sedemikian perlu dilipatgandakan agar menyerlahkan jenama UUM sebagai destinasi pengajian, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan pelancongan bukan sahaja di negara-negara ASEAN dan ASIA, malah seluruh dunia," ujarnya ketika berucap pada Majlis sambutan Hari Pengasasan UUM Ke-33 di Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah pagi tadi

Tambahnya, LPU akan terus memberi sokongan kepada Naib Canselor dan Pengurusan Tertinggi UUM serta seluruh warga UUM di samping menjalankan tugas sebagai 'check and balance' terhadap aspek pengurusan dan pentadbiran universiti.

Sementara itu Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak dalam ucapannya berkata semua warga UUM perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan Perancangan Strategik Fasa II yang bermula pada tahun 2016- 2020 tercapai.

"Fasa II ini memberi fokus terhadap pengukuhan kedudukan universiti di persada antarabangsa, iaitu meletakkan UUM di kedudukan 200 Terbaik Dunia, 50 Terbaik Asia, 10 Terbaik Asia Tenggara dan 5 Terbaik Malaysia.

"Bagi tujuan ini, pelbagai mekanisme diwujudkan antaranya pihak UUM telah membentuk 6 Pusat Kecemerlangan Universiti (U-CoE), 21 Pusat Kecemerlangan Pusat Pengajian (S-CoE) dan 32 Research Unit (RU), untuk menyemarakkan lagi bidang penyelidikan, penerbitan dan perundingan.

"Menjelang 2020, UUM mensasarkan 250 MoU/MoA dijalin dengan universiti yang terkemuka atau pihak industri di peringkat antarabangsa. Di samping itu UUM akan memperkasakan kedudukan kewangan melalui Kursi Profesor (RM12 juta), Wakaf (RM1 juta) dan Endowmen (RM5juta)," jelasnya.

Pada majlis ini juga UUM turut melantik Chef terkenal, Datuk Redzuawan Ismail atau lebih dikenali Chef Wan sebagai Profesor Adjung bagi Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar (STHEM), UUM.

Pemilihan beliau sebagai Profesor Adjung adalah berdasarkan pengalaman, kepakaran serta kesesuaian bidang yang diceburinya yang dilihat dapat berkongsi pengalaman, memberi nasihat dan bimbingan kepada pensyarah dan pelajar melalui program syarahan Profesor Adjung, seminar dan perjumpaan.

Selain itu, sempena sambutan Hari Pengasasan UUM ke-33 juga, seorang pengunjung bertuah telah dipilih sebagai pengunjung ke sejuta pada Discover UUM 2016.

Pengunjung dari Jepun, Horikawa Koichi, 48, yang juga Pengarah The Japan Foundation, Kuala Lumpur merupakan tetamu Discover UUM 2016 yang hadir ke universiti ini pada Disember lalu atas tujuan jalinan kerjasama dengan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB).

Pemilihan pengunjung ke sejuta ini dibuat berdasarkan statistik pengunjung ke UUM yang diperoleh melalui buku pelawat, borang lawatan (Visit of the Day), maklumat dari Pusat Tanggungjawab (PTJ), aktiviti Discover UUM dan Adhoc Visit.

Hadir sama Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan pegawai-pegawai UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.